

DATE: 13 / 12 / 2007

Wisma Putra perjelas keadaan semasa negara

BH-13/12/2007

Duta, perwakilan asing di Malaysia diberi penerangan elak keliru

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Wisma Putra akan memberi penjelasan kepada semua duta dan perwakilan asing di Malaysia berhubung keadaan semasa dalam negara bagi mengelak salah faham.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata semua duta dan pesuruhjaya tinggi Malaysia di luar negara juga sudah diarah memberi penjelasan kepada Kementerian Luar negara masing-masing bagi mengelak kekeliruan.

"Esok (malam ini) saya akan berjumpa dengan semua duta asing di Malaysia pada majlis makan malam, saya akan terangkan kepada mereka apa sebenarnya yang berlaku supaya mereka tahu kebenarannya," katanya selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Ke-

“Mereka tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku di negara ini. Kadang-kadang mereka mendapat laporan yang tidak betul atau hanya sebahagian yang betul atau fitnah semata-mata”

Syed Hamid Albar
Menteri Luar

menterian Luar di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan agensi media asing Isnin lalu yang memetik jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS), Nancy Beck, sebagai meminta Malaysia tidak menyekat kebebasan rakyat daripada menyatakan pandangan.

Syed Hamid berkata, pertemuan dengan semua duta asing itu perlu supaya rakyat negara yang diwakili mereka tidak didedahkan laporan palsu atau salah berhubung keadaan semasa di Malaysia.

"Mereka tidak tahu apa sebenarnya berlaku di negara ini. Kadang-kadang mereka mendapat laporan tidak betul atau hanya sebahagian yang betul atau fitnah semata-mata.

"Sehubungan itu, adalah penting bagi kami untuk memberitahu maklumat yang betul. Kita terangkan kepada mereka apa yang berlaku di

Malaysia supaya mereka mendapat maklumat baru dan betul," katanya.

Ditanya harapan beliau selepas sesi penjelasan itu, Syed Hamid berkata, terpulang kepada duta dan perwakilan asing berkenaan untuk menyebarkan maklumat yang diperoleh kepada negara masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, banyak negara asing tahu keadaan sebenar di Malaysia dan faham langkah yang diambil kerajaan.

"Sebagai contoh, Kerajaan India faham perkembangan yang berlaku di Malaysia dan tahu rakyat keturunan India di sini tidak diberi layanan buruk," katanya.

Seramai 88 pegawai dan kakitangan kementerian, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) dan Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCC) menerima anugerah pada majlis itu.